



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN
PERUMAHAN RUMAH MAMPU MILIK

TARIKH / MASA / TEMPAT

22 DISEMBER 2020 (SELASA)
9.00 PAGI

RUANG MEDIA MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Ahamd Zabri bin Mohamed Sarajuddin

Pengerusi

Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan
Semenanjung Malaysia (ANULAE)

Cawangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan Sr Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA,

Setiausaha dan Bendahari PESUKA

Warga Kerja MBSP dan Wira-Wira Oren

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Penyerahan Surat Tawaran Perumahan Rumah Mampu Milik Kepada 33 kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang berjaya ditawarkan rumah oleh Bahagian Perumahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Saya berasa syukur dan bangga kerana program ini masih boleh dijalankan dengan memastikan tatacara atau norma baru perjalanan program diadakan dalam menangani isu pandemik COVID-19 ini. Yang pasti, kita tidak boleh berasa selesa kerana setiap hari masih terdapat kes-kes baru yang terjadi. Justeru, untuk memastikan Pulau Pinang ke arah zon hijau, marilah sama-sama kita mengamalkan norma baru dalam kehidupan kita dengan penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka serta *hand sanitizer*.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Warga Kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Kakitangan-kakitangan merupakan aset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MBSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang. Amalan kerja yang berprestasi tinggi akan menghasilkan impak yang cukup baik di mana permasalahan rakyat dan perbandaran diberi perhatian serius dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan warga kerja MBSP tidak terbalas dan tetap terpahat di hati. Dalam konteks perkhidmatan awam, MBSP sentiasa menunjukkan keprihatinan dalam menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan MBSP.

Kebajikan kakitangan MBSP amat dititikberatkan dan di bawah Keutamaan Teras 7 iaitu Kesejahteraan Kakitangan dan melalui perbincangan dengan ANULAE, MBSP telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi meringankan beban kewangan kakitangan. Salah satu

faedah atau kemudahan yang diusahakan oleh MBSP untuk kebajikan warga kerja MBSP adalah mempromosi *Housing Democracy* dalam pemilikan rumah bagi setiap pekerja dengan mengadakan program *match making* di antara institusi perbankan, pemaaju perumahan dan pekerja.

Ini adalah selaras dengan Tema A *Penang2030* iaitu *Increase Liveability To Enhance Quality Of Life*, di mana MBSP mencari penyelesaian dalam menangani isu-isu pemilikan rumah di kalangan warga kerja MBSP seperti yang ditekakan dalam tema A1 *Penang2030* iaitu *Address Housing Affordability And Diversity*.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Konsep *Housing Democracy* merupakan satu cetusan idea yang bersesuaian dengan tema *people centric* yang merangkumi semua aspek komuniti dan warga kerja MBSP. Program kempen *housing democracy* ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana agensi kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melancarkan Program *Housing Democracy* pada tahun 2019 yang bertujuan membantu kakitangan MBSP yang belum berkesempatan membeli rumah untuk dipermudahkan urusan pembelian rumah. Sehubungan itu, pada 20 September 2019, MBSP telah menganjurkan Pameran Program *Housing Democracy* yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa. Program ini telah melibatkan Bahagian Perumahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pemaju Perumahan dan Institusi Kewangan dan dianjurkan di Menara Bandaraya.

Program ini telah berjaya mendaftarkan lebih 1,000 kakitangan bagi mendapatkan Rumah Mampu Milik yang diuruskan oleh Bahagian Perumahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

MBSP seterusnya telah mengambil langkah proaktif pada tahun ini dengan membuat tapisan ke atas permohonan oleh kakitangan MBSP berdasarkan kriteria-kriteria seperti kemampuan kewangan, keperluan perumahan dan perkhidmatan yang cemerlang.

Hasil daripada tapisan yang dibuat untuk Fasa Pertama, MBSP telah mengenalpasti seramai 33 kakitangan yang memenuhi kriteria tersebut. Selanjutnya, permohonan 33 kakitangan ini telah dikemukakan semula kepada Bahagian Perumahan melalui Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa pada 7 Disember 2020

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat keputusan untuk memberikan keutamaan kepada Penjawat Awam Pulau Pinang yang terlibat secara langsung dalam menangani Pandemik COVID-19, bagi memiliki Rumah Mampu Milik. Ini adalah mengenang jasa Penjawat Awam tersebut.

Justeru, pada 18 Disember 2020, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa telah menyerahkan surat tawaran Perumahan Mampu Milik untuk kesemua 33 kakitangan tersebut kepada MBSP dalam satu program khas di Padang Kota.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Kepimpinan MBSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa prihatin terhadap keperluan Penjawat Awam di Pulau Pinang, terutamanya dalam pemilikan rumah selari dengan Aspirasi Penang 2030 melalui Tema A iaitu *Increase Liveability to Enhance Quality of Life*. Semua kakitangan MBSP adalah diharapkan agar mengamalkan pengurusan kewangan yang baik dan berhemah agar harapan untuk memilik rumah dapat dicapai oleh semua kakitangan.

Semua kakitangan MBSP hendaklah terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara dengan terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi. Bukan mudah untuk meletakkan MBSP sepertimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti dapat lakukan yang terbaik. Saya berharap agar kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala sikap yang tidak baik dalam diri kita serta memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya

pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

Kita bakal menempuh gerbang tahun 2021 yang melabuhkan tirai 2020. Syabas dan tahniah kepada semua Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP, wira orange dan semua penduduk Seberang Perai yang selama ini sentiasa menyokong dengan komitmen yang tinggi dan mendokong usaha-usaha untuk merealisasikan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi dan seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Raya Rendah Karbon dan Bandar Raya Pintar. Semoga tahun 2021 akan membawa lebih banyak cahaya kejayaan dan sama-sama kita mengharungi cabaran-cabaran mendatang dengan tekad dan semangat untuk kita terus berjuang.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian,

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.